

Azizah mahu ikut jejak Raihan

Glasgow: “Matlamat saya pingat emas, tetapi saya perlu realistik dengan cabaran yang saya hadapi di Sukan Komanwel Glasgow,” kata peserta angkat berat wanita negara kategori 53 kg, Azizah Fadzil.

Pelajar Universiti Pertanian Malaysia (UPM) itu yang kini menduduki tempat kedua terbaik dalam kategori 53kg untuk kejohanan itu berdepan dengan cabaran peserta nombor satu Komanwel dari Papua New Guinea, Toua dan peserta berada pada kedudukan ketiga dari India, Swarti Singh..

“Ia amat mencabar, namun adalah satu prospek yang menarik bagi saya untuk membuat kejutan di Sukan Komanwel.

Boleh berehat

“Saya berjaya melakukan angkatan yang baik dalam latihan dan beberapa kejohanan sebelum ini. Kalau iktukan pencapaian itu saya boleh pecahkan rekod kategori snatch dan berharap dapat menunjukkan

persembahan yang baik di sini, nanti,” katanya.

Gadis kelahiran Pulau Pinang itu benar-benar berharap penyertaan pertamanya di Sukan Komanwel ini akan membuahkan hasil sekurang-kurangnya satu pingat.

Katanya, dia ingin mencontohi Raihan Yusof, peserta angkat berat wanita pertama Malaysia memenangi pingat (gangsa) pada Sukan Komanwel New Delhi pada 2010 dalam kategori 53kg.

“Saya tahu kemampuan saya, Saya tahu saya boleh memenangi pingat, tetapi itu tidak bermakna saya boleh berehat. Saya akan memberi tumpuan kepada angkatan yang lebih baik terutama dalam kategori clean and jerk,” katanya.

Selain Azizah, dua lagi peserta wanita negara yang menyertai kejohanan kali ini ialah Syarifah Inani Najwa Syed Omar (48kg) dan Nur Jannah Batrisyah (melebihi 75kg).

